

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status terkini kerja pembaikan perparitan Sg. Anib Sandakan dan bilakah projek ini akan disiapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam usaha mengurangkan risiko banjir jangka panjang di sebahagian kawasan di Daerah Sandakan, Kerajaan telah meluluskan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Anip, Lembangan Sg. Anip, Sandakan, Sabah melibatkan peruntukan berjumlah RM40 juta. Projek ini dalam peringkat pelaksanaan di tapak dan diselia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah.
2. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Anip, Lembangan Sg. Anip, Sandakan, Sabah ini dijangka siap pada tahun 2023 dan pelaksanaan projek ini dijangka akan mengurangkan kawasan terjejas banjir sebanyak 10 hektar dan menyelamatkan sebanyak 5,000 penduduk yang terjejas akibat banjir.

Sekian, terima kasih.